Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	16/12/2019	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	JPS / BANJIR			
KLASIFIKASI	:	**PERHATIAN**			

Banjir kian buruk

790 mangsa di Pahang berpindah, 10 laluan kena tutup



KERETA penduduk Kampung Contoh ditenggelami air.

Bahana air pasang bertembung bah

Kluang: Pertembungan banjir dan air pasang dibimbangi menyebabkan banjir di daerah ini semakin teruk.

Penduduk Kampung Contoh di Kahang, Baharudin Aman, 50, berkata, penduduk bimbang berikutan air semakin naik selepas hujan berterusan sejak Jumaat lalu.

Menurutnya, banjir di kawasan perumahan di kampung itu semakin tinggi mencecah paras penggang dan dijangka meningkat susulan pertembungan dengan air pasang.

Katanya, banjir yang berlaku jam 5.30 pagi kelmarin, hanya separas paha sebelum mencecah 1 meter pagi semalam.

"Ramai penduduk pulang semula ke rumah masing-masing pagi ini (semalam) untuk menyelamatkan barangan elektrik dan perabot.

"Sehingga tengah hari semalam, 228 mangsa membabitkan 100 keluarga berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) di Balai Raya Kampung Contoh di sini," katanya yang meninjau kawasan Kampung Contoh di Kahang, di sini.



VIDYANANTHAN (kiri) menyerahkan sumbangan makanan kepada mangsa banjir, semalam.

Lima kampung terputus hubungan

Kluang: Seramai 500 penduduk lima perkampungan Orang Asli dan sebuah ladang di Kahang di sini, terperangkap dan terputus hubungan akibat banjir sejak tiga hari lalu.

Susulan itu, semua agensi berkaitan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) digesa mencari jalan membantu semua mangsa.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kahang, R Vidyananthan berkata, hasil maklumat diterima hanya kenderaan berat boleh memasuki kampung berkenaan selepas semua laluan ditenggelami banjir akibat hujan berterusan sejak petang kelmarin.

Katanya, lima perkampungan Orang Asli terbabit adalah Kampung Orang Asli Sedohok, Air Pasir, Kuala Sengka, Sungai Peroh dan Pucur selain 250 penduduk di Ladang Mutiara.

"Kami harap bantuan dapat disalurkan kerana bimbang penduduk di lokasi terjejas tidak membuat persiapan awal berdepan bencana alam ini.

"Kami juga bersiap untuk pergi ke semua penempatan itu selepas mendapat maklumat daripada mangsa," katanya selepas tinjauan serta menyalurkan bantuan makanan kepada mangsa banjir di tiga Pusat Penempatan Sementara (PPS) Banjir di Paloh dan Kahang, semalam.



KEADAAN banjir di Kampung Pianggu, Rompin semalam.

Oleh Mohamad Azim Fitri Abd Aziz
azimfitri@hmetro.com.my

Rompin

Jumlah mangsa banjir di daerah ini terus meningkat apabila 790 individu daripada 204 keluarga dipindahkan ke sembilan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) setakat jam 5 petang, semalam.

Terdahulu pada jam 8 pagi, 681 mangsa membabitkan 176 keluarga dipindahkan ke PPS yang dibuka sekitar daerah ini.

Menurut aplikasi info bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Sembilan PPS dibuka di Balai Raya Lintang/Surau Kampung Perpat; Dewan Telok Gading, Tanjung Gemok; Balai Raya Kampung Sepayang, Balai Raya Kampung Janglau dan pusat pemindahan Banjir Kampung Setajam.

204 keluarga dipindahkan ke sembilan PPS

Selain itu, Sekolah Kebangsaan (SK) Pianggu, Dewan Angkat Berat Rompin, SK Sarang Tiong dan Balai Raya Bukit Lepas turut beroperasi sebagai PPS.

Semua mangsa dipindahkan dengan bantuan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) menggunakan lori serta bot penyelamat.

Sementara itu, jalan yang ditutup di daerah ini bertambah kepada 10 laluan berbanding tiga pada waktu pagi.

Laluan ditutup adalah Jalan Kampung Sungai Meranti, Bukit Lepas, Jalan Kampung Sepayang, Jalan Lubuk Batu, Jalan Pintasan Kampung Aur, Jalan Kampung Denai dan Jalan Kampung Sungai Mok.

Turut ditutup Jalan Tebu Hitam, Jalan Kampung Baru Bukit Ibam, Jalan Kampung Meripoh dan Jalan Kampung Kurnia.

Kaji keperluan tambah helikopter

Kuala Nerus: Kerajaan mengkaji keperluan menambah helikopter untuk kegunaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) khususnya ketika bencana.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad berkata, penilaian untuk menambah aset itu dilakukan selepas mesyuarat peringkat tertinggi diadakan minggu lalu yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Katanya, JBPM kini memiliki lapan helikopter untuk kegunaan operasi di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

"Jumlah aset sedia ada tidak mencukupi, kami juga mengkaji pangkalan udara untuk menempatkan helikopter terbabit supaya gerakan (menyelamat) lebih lancar dan masa tindak balas lebih cepat.

"Selain itu, kami merasionalisasi semula peralatan penyelamat supaya lebih versatil dan pelbagai guna seperti helikopter terbabit bukan saja boleh digunakan ketika banjir, tapi bencana lain seperti kebakaran hutan.

"Kami tidak boleh berpuas hati dengan aset yang ada hari ini (sekarang) dan helikopter antara yang mungkin ditambah. Malah aset ini (helikopter) bukan saja untuk kegunaan bomba, tapi juga agensi penyelamat lain," katanya pada Majlis Malam Apresiasi Usahawan Melayu Terengganu (Mapumt) di sini, kelmarin.



RAJA Kamarul Bahrin Shah

Sementara itu, beliau memaklumkan, JBPM bersedia menghantar aset dari negeri di pantai barat untuk meningkatkan keupayaan logistik dan masa tindak balas menghadapi banjir gelombang kedua di Terengganu dan Kelantan dijangka akhir bulan ini.

Menurutnya, lebih banyak jentera seperti lori lima tan diperlukan bagi melancarkan operasi ketika banjir.

"Aset yang ada tidak mencukupi, kami membuat perkiraan memindahkan aset dari Selangor dan Perak.

"Namun kami perlu membuat ramalan tepat kerana banjir kini melanda Johor dan gelombang seterusnya dijangka berulang Terengganu dan Kelantan," katanya.